

08 MAR 1998

Abdullah - Pemandang

ISU PENDATANG DIBAWA KE SURUHANJAYA MALAYSIA-INDONESIA

KEPALA BATAS, 8 Mac (Bernama) -- Malaysia yang bimbang mengenai kemasukan berterusan pendatang tanpa izin dari Indonesia, akan membincangkan isu itu pada mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia tahun ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Pendatang tanpa izin dari Indonesia nampaknya terus masuk walaupun terdapat kesepakatan di antara kedua-dua negara mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung UMNO Cawangan Bertam di sini hari ini.

Katanya Malaysia memandang berat kemasukan beramai-ramai pendatang tanpa izin dari Indonesia dan sering membincangkannya dengan para pemimpin negara itu.

Beliau berkata soal kemasukan pendatang tanpa izin ini bukan merupakan perkara baru dan kerajaan Indonesia sudah mengetahui tindakan yang perlu diambil oleh Malaysia terhadap pendatang.

Abdullah berkata pada mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya Bersama yang lepas sudah ditegaskan bahawa perlu ada usaha daripada pihak berkuasa Indonesia untuk menghalang kemasukan pekerja tanpa izin mereka ke negara ini.

Bagaimanapun, katanya, sukar bagi pihak berkuasa Indonesia untuk memastikan rakyatnya tidak keluar dari negara itu memandangkan kawasan pantainya panjang serta luas dan terdapat juga pantai di Malaysia yang boleh mereka tembusi.

Abdullah membidas tindakan segelintir penduduk tempatan yang sanggup bekerjasama memudahkan kemasukan pendatang.

"Perbuatan seumpama itu salah di sisi undang-undang negara dan nasib baik kita bertindak cepat dengan menahannya menurut Akta Keselamatan Dalam Negeri," katanya.

Mengenai lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Myanmar selama dua hari mulai esok, beliau berkata itu merupakan lawatan rasmi pertama Perdana Menteri ke negara itu selepas Myanmar menganggotai Asean.

"Lawatan itu amat bererti kepada Malaysia kerana ia bukan sahaja memberi peluang kepada Perdana Menteri membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan dua hala, malahan berkesempatan membincangkan kedudukan ekonomi di rantau ini," katanya.

Dalam ucapannya, Abdullah yang juga Naib Presiden UMNO dan Ketua Cawangan Bertam, berkata anggota parti perlu mengekalkan amalan bermusyawarah dan menolak politik wang dalam menentukan arah perjuangan dan menjamin keutuhan negara pada masa akan datang.

Katanya, konsep demokrasi yang menjadi amalan di negara ini sama dengan konsep musyawarah yang dianjurkan Islam dan ia merupakan konsep terbaik dalam menentukan pucuk pimpinan parti.

Beliau membidas tindakan sesetengah pihak menggunakan kekerasan dalam menentukan pucuk pimpinan dan berharap UMNO tidak menjadi parti "samseng" suatu hari kelak.

"Perjuangan UMNO berdasarkan keikhlasan, kerelaan dan semangat perjuangan yang kental dan bukan kerana duit, kekerasan atau paksaan," katanya. -- BERNAMA

ZU MAI